

10 AUG 2002

MAHATHIR-LID/I

LID BERI MANFAAT KEPADA PELABURAN MALAYSIA DI AFRIKA

TANJONG MALIM, 10 Ogos (Bernama) -- Malaysia mendapat faedah yang banyak daripada Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) kerana forum perkongsian bestari itu telah membuka jalan bagi banyak pelaburan Malaysia di negara-negara Afrika, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini.

Malaysia baru-baru ini menjadi tuan rumah dialog dua tahun sekali itu yang dihadiri oleh kira-kira 400 pemimpin, pegawai kerajaan dan eksekutif korporat.

Dr Mahathir berkata kontrak-kontrak perniagaan yang dibuat semasa dialog itu telah membantu meningkatkan perdagangan dan pelaburan Malaysia di benua Afrika itu.

Dua firma Malaysia, Petronas dan Telekom Malaysia kini mempunyai pelaburan yang besar di Afrika.

"Adanya Petronas di Afrika Selatan sebenarnya disebabkan usaha kita berkenal-kenalan menerusi dialog (perkongsian bestari) itu," kata perdana menteri.

Dr Mahathir, yang dalam lawatan sehari ke Perak, berkata Petronas telah muncul sebagai salah satu daripada syarikat terbesar di Afrika Selatan berikutan pemilikannya Engen Limited pada akhir 1998.

Hari ini Petronas memiliki 80 peratus Engen, sebuah syarikat minyak dan gas.

Melalui anak syarikat itu, Petronas telah berjaya menembusi bukan sahaja pasaran-pasaran di Afrika selatan tetapi juga bahagian-bahagian timur dan barat benua itu, beliau memberitahu pemberita selepas menghadiri sesi dialog dengan kakitangan dan penuntut Universiti Pendidikan Sultan Idris di sini.

Di samping Afrika Selatan, Petronas kini mempunyai pelaburan di Algeria, Angola, Cameroon, Chad, Gabon, Libya, Sudan dan Tunisia.

Dr Mahathir berkata di samping memperkukuhkan perhubungan, LID juga membolehkan negara-negara peserta mempelajari daripada satu sama lain bagaimana cara terbaik membangunkan ekonomi mereka.

Di samping itu, negara-negara Dunia Ketiga boleh juga mempelajari mengenai dasar-dasar yang perlu diguna pakai untuk menebat diri mereka sendiri daripada tekanan ekonomi luar, tambah beliau.

Dialog itu, yang bertujuan memupuk konsep menang-menang di kalangan negara membangun melalui perhimpunan tidak formal ketua-ketua kerajaan atau negara mereka, didaya utamakan oleh perdana menteri sendiri. LID pertama diadakan pada 1995.

Konsep perkongsian bestari LID itu telah diterima baik oleh negara-negara Afrika dan mereka malahan telah mengujudkan dialog mereka sendiri dalam bentuk Dialog Antarabangsa Selatan Afrika dan Dialog Antarabangsa Timur Afrika. -- BERNAMA

MAD SHY OS